

PERCUMA



MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

مجلس بندراءي ڤتالينج جايا

Berita

# PETALING JAYA



EDISI

JAN - MAC 2024

MESRA, CEPAT & TEPAT

KUALITI KEUTAMAAN KAMI

## LAWATAN MAJLIS BANDARAYA

DARI WILAYAH GYEONGGI-DO, KOREA SELATAN



>m/s 3

## WAWASAN DATUK BANDAR PETALING JAYA KE-8



>m/s 13

## WAWASAN DATUK BANDAR MBPJ KE-8

> Mengelakkan dan meningkatkan pencapaian perkhidmatan serta memperkasakan elemen ketelusan dan kemampuan atau "sustainability." >m/s 13

IMBAS KOD OR UNTUK AKSES  
BERITA PETALING JAYA  
DALAM TALIAN



#KitaSelangor PJYOU



Petaling Jaya Bandar Paling Bahagia

Sempena Sambutan Hari Kebahagiaan Sedunia Peringkat Kebangsaan 2024

Majlis Bandaraya Petaling Jaya

# ISI KANDUNGAN

AIR SISA TIDAK DIRAWAT BOLEH MENYEBABKAN BENCANA	2	MAJLIS KOMITED LAKSANA ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEMS (ABMS)	16
LAWATAN MAJLIS BANDARAYA DARI WILAYAH GYEONG-GI-DO, KOREA SELATAN	3	BAZAR RAMADHAN MBPJ DIGITAL AND CLEAN	16
OPERASI ROBOH BINAAN TANPA KEBENARAN	4	SISTEM PENGURUSAN ADUAN AWAM (SISPA) SALURAN ADUAN TUNGGAL MBPJ	17
ASPIRASI DAN KEAZAMAN BAHRU 2024	4	PETALING JAYA BANDAR RAYA SELAMAT	18
MAJLIS PENYERAHAN HANDBOOK UNDANG-UNDANG KHAS POLIS BANTUAN	5	SAMBUTAN PERAYAAN TAHUN BAHRU CINA 2024	19
SESI LIBAT URUS SPB-PBT TAHUN 2024 MBPJ BERSAMA KPKT	6	MBPJ ANJUR PROGRAM KESEDARAN KESELAMATAN ICT	20
MAJLIS PERAKUAN PENERIMAAN JAWATAN AHLI MAJLIS MBPJ PENG GAL 2024-2025	7	PETALING JAYA BANDAR PALING BAHAGIA	21-22
AMANAT TAHUN BAHRU 2024 DATO' MENTERI BESAR SELANGOR	8	INDEKS KEBAHAGIAAN BANDAR 2024	23-24
PERKHIDMATAN AWAM TONGGAK NEGARA	9	PROGRAM MOTIVASI REMAJA	25
BANDAR RAYA PINTAR MAMPAH DAN BERDAYA TAHAN	9	ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2023 DAN SANJUNGAN BUDI PESARA 2024	26
MODUL PEMBANGUNAN KEJURUTERAAN MENU	10	TAKLIMAT TRANSFORMASI STADIUM MBPJ	27-28
PEMEGANG LESEN DIMOHON MEMPERBAHARUI LESEN SEGERA	10	KUNJUNGAN DELEGASI JAPANESE BUSINESS ALLIANCE FOR SMART ENERGY WORLDWIDE	29
ELAK DENDA/JELAS CUKAI TAKSIRAN SEBELUM 29 FEBRUARI	11	ANUGERAH KECEMERLANGAN SUKAN MBPJ	30
JOM BAYAR CUKAI TAKSIRAN SECARA ONLINE DAN MENANG HADIAH	11	MAJLIS PENYAMPAIAN BUAH KURMA DAN PROGRAM TAUTAN KASIH	30
PENGUATKUSAAN KE ATAS ISU IKLAN HARAM	11	PERASMIAAN AKADEMI HOKI REMAJA	31
WAWASAN DATUK BANDAR PETALING JAYA KE-8	13-14	MBPJ PENERAJU SISTEM SMART BILLBOARD	32
PERKHIDMATAN PERBANDARAN BERPRESTASI TINGGI	15	LAWATAN BAZAR RAMADHAN "DIGITAL & CLEAN"	33
KEMEN BAYARAN CUKAI TAKSIRAN PETALING JAYA SELATAN (PJS 1-PJS10)	15	LAWATAN MESRA DATUK BANDAR KE FLAT SRI AMAN	33
		Penyampaian sumbangan program pasukan keselamatan kejiran petaling jaya (PKPJ)	34
		LAWATAN MESRA DATUK BANDAR PETALING JAYA KE DESA MENTARI	35
		GARIS PANDUAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN PERNIAGAAN DALAM TALIAN NEGERI SELANGOR	36
		PRESTASI KEWANGAN MAJLIS	36
		KES DENGKI DI PETALING JAYA BAGI TAHUN 2024	37
		AKTIVITI AHLI MAJLIS	38-41

## SIDANG REDAKSI

[www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) [Majlis Bandaraya Petaling Jaya](#) [oicitycouncil](#)

### PENAUNG

Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samiong

### PENASIHAT

Hjh. Haniza binti Abdul Hamid

### KETUA PENGARANG

Abdul Hakim bin Khairuddin

### WARTAWAN

Ahmad Iskandar bin Mohamed Mukhtar  
Nor Shalizawati binti Hj. Baharudin  
Muhammed Azmi bin Yusoff  
Auni Agilah binti Abu

### PEMBANTU PENERBITAN

Mohammad Shah bin Badlishah  
Alyaa Natasha binti Ahmad Rosdi

### JURU GAMBAR

Rusdi bin Mohamed Halik  
Intan Khairana binti Md. Zali  
Salimey bin Abu Bakar

### PEREKA GRAFIK

Badrul Hisham bin A. Bakar  
Abdul Manaf bin Zakaria  
Ihfaznur Ashikin binti Hj. Mohammed Arifin  
Anis Aisyah binti Saifial

### MAKLUM BALAS DAN CADANGAN HANTARKAN KEPADA

Unit Komunikasi Korporat,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya

03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206

media@mbpj.gov.my





# AIR SISA TIDAK DIRAWAT BOLEH MENYEBABKAN BENCANA

**S**EKSyen 52, 3 JANUARI 2024 - Air sisa yang dihasilkan premis seperti restoran dan kilang boleh mendarangkan masalah serius dan bencana jika tidak dirawat dengan kaedah yang sewajarnya.

Antara masalah yang mungkin timbul ialah masalah sistem perparitan tersumbat dengan sisa buangan yang akan mengakibatkan fungsi sistem saliran terganggu dan secara tidak langsung akan menyebabkan banjir kilat serta pencemaran alam sekitar yang menjelaskan masalah kesihatan kepada manusia dan hidupan lain.



Untuk memberi kesedaran kepada orang ramai terutama pemilik-pemilik premis perniagaan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah mengadakan taklimat kesedaran sistem saliran di Dataran Boulevard, Seksyen 52, Petaling Jaya.

Program ini telah dirasmikan oleh Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya, Tuan Aznan Haji Hassan yang berkata, "semua pihak perlu terlibat dan memainkan peranan masing-masing dalam mematuhi garis panduan sedia ada dengan tidak mengalirkan sisa cecair maupun sisa pepejal ke dalam saliran sebelum melalui proses rawatan. Ia untuk memastikan alam sekitar sentiasa terjaga dan tidak dicemar dengan sisa buangan yang boleh mengakibatkan masalah sistem perparitan dan mengancam hidupan akuatik."





# LAWATAN MAJLIS BANDARAYA DARI WILAYAH GYEONGGI-DO, KOREA SELATAN

**S**EKSYEN 52, 4 JANUARI 2024 - Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menerima lawatan daripada tujuh pengurus Majlis Bandaraya Wilayah Gyeonggi-Do, Korea Selatan yang diketuai oleh Pengurus Majlis Bandaraya Gwang Myeong, Mr. Ahn Sunghwan.

Majlis Bandaraya yang terlibat ialah Gwangmyeong, Anyang, Siheung, Ansan dan Gunpo. Lawatan ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkenaan Petaling Jaya dan juga perkembangan ekonomi khususnya pelaburan di Negeri Selangor.

Delegasi disambut Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya, Tuan Aznan Haji Hassan yang turut berkongsi kejayaan-kejayaan yang diraih MBPJ di peringkat nasional dan antarabangsa. Turut hadir Timbalan Speaker, Dewan Negeri Selangor, YB Tuan Mohd Kamri Kamaruddin.

Delegasi turut mendengar taklimat berkenaan pelaburan di Negeri Selangor yang telah disampaikan oleh Pengarah Perdagangan dan Pelaburan, Invest Selangor Berhad, Nik Izuddin Nik Mohd Yusof.



## OPERASI ROBOH BINAAN

**S**EKSYEN 11, 10 JANUARI 2024 - Mahkamah Majistret (Munisipal) Petaling Jaya pada 16 Jun 2023 kesalahan di bawah Seksyen 70 (1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 telah memerintahkan pemilik kediaman di Jalan 11/6, Seksyen 11, Petaling Jaya untuk merobohkan binaan tanpa kebenaran yang dibuat tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Perintah dikeluarkan supaya pemilik dalam tempoh 14 hari dari tarikh Perintah

## TANPA KEBENARAN



Mandatori untuk melaksanakan kerja-kerja meroboh sehingga siap dalam tempoh 60 hari dari tarikh 14 hari, tetapi pemilik gagal melaksanakannya.

Pemilik ingkar dengan perintah tersebut dan tindakan penguatkuasaan seterusnya diambil pada 10 Januari 2024 di mana kerja-kerja perobohan telah dilakukan oleh seramai 40 anggota terdiri daripada anggota penguatkuasa, skuad PANTAS

dan pasukan Polis Diraja Malaysia Balai Sea Park. Segala kos yang terlibat dalam operasi perobohan ini ditanggung oleh pemilik kediaman sepenuhnya.



## ASPIRASI DAN KEAZAMAN BAHARU 2024

**S**EKSYEN 52, 9 JANUARI 2024 - Semua warga kerja MBPJ diseru untuk memulakan tahun baharu 2024 ini dengan penuh semangat, azam serta iltizam yang tinggi. Semoga tahun ini dan tahun-tahun yang akan datang bakal memberikan peluang untuk lebih berjaya dan cemerlang. Sebagai satu pasukan, MBPJ telah berjaya mengharungi bersama-sama segala cabaran sepanjang tahun 2023 dengan keazaman dan kecekalan. Kejayaan ini dapat menjadi pemangkin untuk MBPJ terus berusaha dengan lebih kuat lagi pada tahun ini. Di sebalik cabaran-cabaran tersebut, sudah tentu ada hikmahnya. Justeru, dengan setiap detik yang dilalui dijadikan sebagai pengalaman yang terbaik dalam membuat keputusan secara sebulat suara.

Tahun 2023 telah meninggalkan seribu kenangan dan pencapaian yang cemerlang. Pelbagai kejayaan dan anugerah yang telah diraih pada tahun lalu membuktikan bahawa

pelbagai kejayaan yang dikehendaki itu adalah tidak lain selain daripada kejayaan bekerja sebagai satu pasukan (team work) yang saling membantu antara satu sama lain.

Diharap, segala momentum kecemerlangan ini dapat diteruskan pada tahun 2024. Namun, sebagai sebuah pihak berkuasa tempatan (PBT), MBPJ tidak boleh mengambil sikap selalu berpuas hati dengan pencapaian-pencapaian yang diraih. Ia sebenarnya suatu cabaran yang hebat bukan sahaja untuk kekal berkesan malah mencerminkan tahap pencapaian perkhidmatan bagi memenuhi ekspektasi rakyat.

Sebagai permulaan tahun baharu ini, wajar kiranya dihayati semula nilai murni dan mula bekerja secara lebih terbuka tanpa terikat dan terkongkong dengan pelbagai kerenah birokrasi. MBPJ perlu memantapkan semula pendekatan keseluruhan melalui penambahbaikan kepada sistem dan proses pentadbiran, bagi meningkatkan kecekapan operasi. MBPJ juga hendaklah menerapkan prinsip agile dalam setiap pelaksanaan kerja harian, agar lebih fleksibel dan responsif. Selain itu, sikap kreatif dan inovatif juga perlu sentiasa

ada dalam setiap warga MBPJ bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan dapat disampaikan kepada pelanggan dengan mudah dan cepat berdasarkan peraturan yang ditetapkan.

Dalam arus perkembangan dunia global, transformasi digital kekal menjadi teras fokus utama. Perkembangan dunia teknologi amat perlu bagi meningkatkan lagi kualiti penyampaian perkhidmatan dan memudahkan urusan pelanggan. Perkhidmatan yang disediakan kepada pelanggan seharusnya bersifat tech-enabled supaya teknologi digital dapat dimanfaatkan mengikut perubahan zaman. Bagi mengimbangi transformasi digital ini, Majlis telah menyediakan dan menawarkan sebanyak 33 perkhidmatan secara dalam talian atau e-perkhidmatan seperti ePay, eLesen, PBTPay, iRest, eTender MBPJ dan lain-lain lagi.

Sesungguhnya tahun 2024 dijangka akan memberi cabaran yang lebih besar. Justeru, setiap warga Majlis hendaklah sentiasa menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam melaksanakan tugas dengan penuh komited.

# MAJLIS PENYERAHAN HANDBOOK UNDANG-UNDANG KHAS POLIS BANTUAN

**S**EKSyen 52, 11 JANUARI 2024 - Timbalan Setiausaha (Pengurusan) Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Tuan Mohd Fauzi Maarop telah menyempurnakan acara penyampaian handbook undang-undang khas Polis Bantuan Malaysia kepada Polis Bantuan MBPJ yang diadakan di Bilik Gerakan, Ibu pejabat MBPJ.

Handbook ini merupakan sumber rujukan kepada anggota Polis Bantuan semasa menjalankan tugas. Ia mengandungi maklumat berkenaan bidang kuasa dan punca kuasa anggota penguatkuasaan ini



yang menjadi pasukan sokongan kepada Polis Diraja Malaysia. Seramai 24 anggota unit Polis Bantuan telah menerima buku tersebut.





# SESLIBATURUS SPB-PBT TAHUN 2024

## MBPJ BERSAMA KPKT



**S**EKSYEN 52, 11 JANUARI 2024 - Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) tahun 2022 telah menobatkan Majlis Bandaraya Petaling Jaya sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) terbaik di Malaysia dengan pencapaian markah sebanyak 98.32 peratus mendahului 153 PBT di seluruh negara.

Kejayaan ini menjadi suatu cabaran kepada MBPJ untuk mengekalkan pencapaian bagi menghadapi sesi pengauditan penarafan berprestij ini bagi tahun 2024 yang dijadualkan pada Ogos nanti.

Persediaan awal telah dilakukan oleh MBPJ dengan mengadakan sesi libat urus bersama Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.



Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya, Tuan Aznan Haji Hassan berharap MBPJ akan mengekalkan status sebagai PBT terbaik di Malaysia dengan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada penduduk Petaling Jaya.

Menurut Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pemantauan Pelaksanaan Dasar Kerajaan Tempatan, KPKT, En. Marthandan a/l Yathamaniam, pada tahun 2022 sebanyak 153 PBT telah dinilai dan daripada jumlah itu sebanyak 94 PBT memperoleh lima bintang.

Pada tahun ini sebanyak 253 indikator akan dinilai berdasarkan kriteria utama seperti pengurusan, perkhidmatan teras, pengurusan pelanggan dan penyertaan komuniti dan pandangan penduduk.



# MAJLIS PERAKUAN PENERIMAAN JAWATAN AHLI MAJLIS MBPJ PENGGAL 2024-2025

MENCAPAI HASRAT  
WAWASAN KEMAJUAN  
YANG MAKMUR

PETALING JAYA, 15 JANUARI 2024 - Seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya ingin mengucapkan tahniah kepada 21 orang Ahli Majlis yang telah dilantik bagi penggal 2024-2025. Justeru itu, diharap agar semangat profesionalisme yang tinggi akan berpanjangan dan sentiasa dipertingkatkan.

Pelantikan ini menuntut keprihatinan dan komitmen yang tinggi Ahli-ahli Majlis untuk berkhidmat dengan penuh iltizam dan bersungguh-sungguh bagi mencapai hasrat wawasan negeri ke arah kemajuan yang lebih pesat dan makmur terutamanya di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya.



Pendekatan total participation selaras dengan best practices dan gabungan kepakaran Ahli-ahli Majlis serta kerja berpasukan perlu diterapkan agar MBPJ dapat menguruskan dan memacu bandar raya Petaling Jaya ini dengan baik selaras dengan hala tuju bandar raya pintar, mampan, berdaya tahan dan dinamik.



Di samping itu juga, nilai-nilai bersama MBPJ diharapkan menjadi pegangan dan amalan dalam setiap tindakan warga Majlis iaitu setia, integriti, profesionalisme, utamakan pelanggan dan kerja berpasukan.

Warga MBPJ berharap agar Ahli-ahli Majlis dapat bersama-sama menghayati serta mengamalkan nilai bersama dengan menitikberatkan kecekapan, akauntabiliti serta keberkesanan hasil kerja yang cemerlang. Keutamaan adalah berusaha bersungguh-sungguh dan komited dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti kepada pelanggan Majlis dan memenuhi ekspektasi masyarakat di Petaling Jaya.



# AMANAT TAHUN BAHARU 2024 DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

**S**HAH ALAM, 15 JANUARI 2024 - Dato' Menteri Besar Selangor, YAB Dato' Seri Amirudin Shari mengingatkan penjawat awam di Negeri Selangor supaya mendepani tahun baharu 2024 yang dijangka penuh mencabar dengan mengekalkan tradisi kecemerlangan yang diamalkan negeri selama ini. Beliau berkata demikian semasa berucap dalam Majlis Penyampaian Amanat Tahun Baharu 2024 kepada penjawat awam Negeri Selangor yang diadakan di Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Abdul Aziz, Shah Alam baru-baru ini. Antara intipati ucapan beliau ialah menangani politik identiti iaitu perasaan bangga dengan kelompok dan asal usul keturunan yang mempengaruhi proses membuat keputusan yang boleh menjaskan perpaduan dan mewujudkan krisis, bersedia 24 jam bagi menghadapi cabaran yang luar daripada biasa dan menjayakan Rancangan Selangor Pertama dengan meningkatkan mutu penyampaian yang berkesan. Majlis ini turut dihadiri Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya, Tuan Aznan Haji Hassan dan Ketua-ketua Jabatan MBPJ.

Pada majlis ini juga beliau turut menyampaikan hadiah kepada kumpulan-kumpulan inovasi yang mewakili pentadbiran Negeri Selangor ke peringkat antarabangsa. Kumpulan Iron Squadron dari Jabatan Kejuruteraan MBPJ menerima insentif sebanyak RM4,000.00 hasil penyertaan mereka ke pertandingan inovasi di Beijing, China.



# PERKHIDMATAN AWAM TONGGAK NEGARA



**S**HAH ALAM, 15 JANUARI 2024 - Dalam menggalas tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan, elemen integriti perlu diberi keutamaan dan diamalkan oleh setiap penjawat awam. Penerapan nilai-nilai integriti amat penting bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dengan warga kerja yang sentiasa menjalankan tugas dengan profesional, amanah dan integriti bagi membina mutu kerja cemerlang yang luhur sekali gus membentuk pasukan yang membangunkan kerja berprestasi tinggi dan cemerlang.

Kehendak ini juga senada dan selaras dengan aspirasi YAB Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Amirudin Shari sewaktu sesi Majlis Amanat Tahun Baharu 2024 baru-baru ini yang antara lain ingin meneruskan tradisi cemerlang melalui pengurusan dan pentadbiran yang baik. Beliau turut menitip amanat dan pesanan agar setiap dari kita bekerja dengan bersungguh-sungguh dan dapat melaksanakan serta memenuhi kerja dengan jayanya.

Sebagai PBT yang prihatin dan bertanggungjawab, Majlis Bandaraya Petaling Jaya berterusan akan meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat. Pelbagai infrastruktur dan kemudahan awam telah dan sedang giat dijalankan demi kemudahan masyarakat setempat. Manakala penambahbaikan sistem penyampaian dan perkhidmatan pula sentiasa dikemas kini.

Pembudayaan sistem tadbir urus korporat yang cekap dan berintegriti tinggi, selain perlaksanaan sumber secara efektif dan holistik, dapat dicapai dengan meletakkan kecemerlangan pada kedudukan paling tinggi selari dengan visi dan misi Majlis.



**K**OTA DAMANSARA, 18 JANUARI 2024 - Kepesatan proses perbandaran yang berlaku sepanjang tahun membawa pelbagai cabaran baharu yang semakin kompleks untuk dipikul oleh pihak berkuasa tempatan (PBT). Majlis Bandaraya Petaling Jaya sebagai agensi pelaksana barisan hadapan perlu mempersiapkan rangka kerja yang strategik bagi mendepani cabaran serta menggalas tanggungjawab dalam menawarkan perkhidmatan yang berkualiti kepada rakyat.

Petaling Jaya sebagai sebuah bandar raya pintar, mampan dan berdaya tahan menjelang tahun 2030. Sejajar dengan itu, Majlis sentiasa cakna dengan pelaksanaan Rancangan Selangor Pertama (RS-1) yang merupakan rancangan pembangunan komprehensif yang menjadi hala tuju strategik Kerajaan Negeri Selangor melalui empat teras utama iaitu pengukuhan ekonomi, mempertingkatkan inklusiviti sosial dan kesejahteraan rakyat, pemasukan kelestarian dan tadbir urus S.M.A.R.T dan efektif.

## BANDAR RAYA PINTAR MAMPAH DAN BERDAYA TAHAN

Majlis giat melaksanakan strategi pembangunan mampan berdasarkan Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals) dan New Urban Agenda bagi mencapai gagasan

Selain itu, RS-1 turut merangkumi 5 pemangkin dasar dan 262 projek serta inisiatif yang merangkumi 19 pemacu perubahan atau game changer projects. Hala tuju pembangunan Petaling Jaya Pintar, Mampan dan Berdaya Tahan 2030 memberi tumpuan kepada 5 fokus utama iaitu alam sekitar, habitat berdaya huni, ekonomi, komuniti mampan dan pihak berkuasa tempatan berprestasi tinggi yang ditunjangi 18 bidang tumpuan yang khusus antaranya seperti bandar pintar, bandar raya rendah karbon, ekonomi kitaran, bandar inklusif, pembangunan modal insan, komuniti mampan dan berdaya tahan, pembangunan usahawan, bandar selamat, bandar hijau, infrastruktur dan kemudahan berkualiti yang telah dirancang dan dirangka untuk manfaat dan kesejahteraan kepada penduduk Petaling Jaya.

# MODUL PEMBANGUNAN KEJURUTERAAN MENU

**S**EKSYEN 52, 23 JANUARI 2024 - Kursus pembangunan usahawan telah bermula pada Januari 2024 dengan Modul Pembangunan Kejuruteraan Menu. Seramai 37 orang telah hadir ke kursus tersebut.

Kursus ini memberi fokus mengenai kepentingan pemantapan imej dan keterampilan dalam kalangan usahawan.

Melalui kerjasama dengan Menteri Besar Incorporated (MBI) di mana setiap pihak berkuasa tempatan perlu menyediakan peserta bagi program pembangunan usahawan UPLATS.

Seramai 32 orang usahawan di bawah Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menyertai kursus ini. Setiap peserta harus menghadiri 3 siri modul yang berbeza di

bawah tenaga pengajar PLATS, di mana di akhir program ini, mereka yang berjaya dalam kalangan 12 pihak berkuasa tempatan bakal menerima hadiah berbentuk geran untuk 10 orang usahawan terbaik.



## PEMEGANG LESEN DIMOHON MEMPERBAHARUI LESEN 2024 SEGERA

**P**ETALING JAYA, 24 JANUARI 2024 - Sehingga 31 Disember 2023, sebanyak 25,177 pemegang lesen telah memperbaharui dan dalam masa yang sama terdapat sebanyak 4,013 pemegang lesen yang masih belum memperbaharui lesen tahun 2024, iaitu dengan pencapaian sebanyak 86 peratus.

Majlis telah menghantar notis peringatan pembaharuan lesen pada 24 Januari yang lalu kepada mereka yang masih belum memperbaharui lesen tahun 2024. Majlis memohon agar kesemua 4,013 pemegang lesen memperbaharui lesen sebelum tindakan penguatkuasaan dijalankan.

Majlis mendapati terdapat pengusaha yang menaikkan banner dan bunting tanpa kelulusan dan bukan di lokasi yang diluluskan. Terdapat 5 laporan bagi 146 unit banner dan bunting yang telah diterima bagi kesalahan tersebut. Majlis ingin memberi peringatan bahawa tindakan penguatkuasaan pemotongan cagaran dan menurunkan iklan banner dan bunting tersebut akan dijalankan sekiranya pihak pengusaha tidak mematuhi syarat yang telah ditetapkan.

Sementara itu, sehingga 2023, terdapat sebanyak 1,335 peniaga tanpa lesen (PTL). Berdasarkan ini, Majlis telah menyelesaikan usahawan-usahawan mikro ini melalui

penglibatan 24 zon Ahli Majlis di dalam sesi bengkel yang diadakan pada Oktober 2023.

Bermula pada Februari 2024, tindakan penyusunan dan penempatan melibatkan 40 lokasi penempatan baru akan dilaksanakan dan dijangka sejumlah 806 usahawan mikro mendapat manfaat daripada inisiatif ini.

Majlis telah menerima data berkaitan perniagaan secara dalam talian dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Berdasarkan data ini, sebanyak 3,654 perniagaan yang telah berdaftar. Majlis telah menghantar notis pemberitahuan permohonan lesen pada Disember 2023.

# ELAK DENDA JELAS CUKAI TAKSIRAN SEBELUM 29 FEBRUARI

KELANA JAYA, 2 FEBRUARI 2024 - Majlis Bandaraya Petaling Jaya ingin mengucapkan terima kasih kepada pemilik harta yang telah menjelaskan cukai taksiran. Dalam masa yang sama, Majlis ingin mengingatkan kepada semua pemilik harta di Petaling Jaya untuk menjelaskan cukai taksiran pada atau sebelum 29 Februari 2024 bagi mengelakkan sebarang caj lewat bayaran dikenakan. Untuk makluman, MBPJ telah memproses dan mengemas kini bil cukai taksiran bagi setengah tahun pertama

(Januari – Jun 2024) melibatkan sebanyak 280,208 pemegang harta dengan jumlah cukai semasa dan tunggakan berjumlah RM 291,546 juta. Setiap pemilik harta boleh menyemak dan mendapatkan salinan bil cukai taksiran mereka melalui pautan <https://ecukai.mbpj.gov.my/mpj-pjesalinanbil> dan membuat bayaran secara dalam talian menggunakan laman (ePay@MBPJ), <https://epay.mbpj.gov.my/>. Majlis menggalakkan pemilik harta membuat bayaran secara dalam talian.

Pada masa sama, MBPJ turut menyediakan beberapa kaedah pembayaran yang boleh dilakukan seperti secara tunai, cek, wang pos, kiriman wang pos dan kad debit / kad kredit. Orang ramai juga boleh melayari laman sesawang MBPJ [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) atau kunjungi laman sosial rasmi Majlis (Facebook:@petalingjayacitycouncil, Twitter (X) & Instagram: @pjcitycouncil atau hubungi Jabatan Perbendaharaan MBPJ, Aras Bawah, Ibu Pejabat MBPJ, Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor di talian 03-7956 3544 samb. 102/103/108/109.


## JOM BAYAR CUKAI

# TAKSIRAN SECARA ONLINE DAN MENANG HADIAH!

SEKSYEN 52, 7 FEBRUARI 2024 - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mengalu-alukan semua pemilik harta di Majlis Bandaraya Petaling Jaya untuk menyertai Kempen Jom Bayar Cukai Taksiran secara dalam talian bermula 1 Januari sehingga 29 Februari 2024.

Pemilik yang layak menyertai cabutan ini adalah pemilik harta yang menjelaskan bayaran bagi penggal 1/2024 dan penggal 2/2024 (setahun) dan tiada mempunyai tunggakan. Bayaran hendaklah dibuat secara dalam talian di laman web (ePay@MBPJ) <https://epay.mbpj.gov.my/> sebelum atau pada 29 Februari 2024 untuk melayakkan

pemilik harta dalam proses cabutan bertuah. Pemenang akan dihubungi oleh pihak Majlis dan hebatan melalui laman sosial rasmi Majlis (Facebook: @petalingjayacitycouncil). Tuntutan hadiah bagi pemenang adalah dalam tempoh sebulan dari tarikh penyampaian hadiah.



# PENGUATKUASAAN KE ATAS ISU IKLAN HARAM

KOTA DAMANSARA, 8 FEBRUARI 2024 - Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas iklan-iklan haram melalui pemantauan, rondaan, tindakan kompaun serta tindakan penurunan iklan haram secara konsisten.

Bermula pada 1 Januari 2024, pelbagai jenis iklan dan banner tanpa kebenaran yang melibatkan aktiviti-aktiviti perniagaan seperti ekspo, jualan gudang, jualan perabot, kedai dobi, tadika serta restoran telah diambil tindakan di bawah Undang-undang Kecil Iklan MBPJ (2007). Ekoran daripada itu, sebanyak 248 tindakan kompaun dan sebanyak 28,986 keping iklan telah diturunkan.

Sehubungan dengan itu, Majlis menyeru supaya pemilik/pengusaha perniagaan dapat mematuhi syarat-syarat serta garis panduan yang ditetapkan. Majlis juga telah menyediakan garis panduan permohonan pemasangan iklan di kawasan Petaling Jaya yang juga boleh diakses secara dalam talian bagi memudahkan pemilik/pengusaha perniagaan.



# WAWASAN DATUK BANDAR PETALING JAYA KE-8

**S**EKSyen 52, 5 FEBRUARI 2024 - Tuan Hj. Mohamad Zahri Hj. Samingon yang dilantik sebagai Datuk Bandar Petaling Jaya ke-8 berlitzam untuk meneruskan kecemerlangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya dengan meneruskan inisiatif untuk mengekalkan dan meningkatkan pencapaian perkhidmatan serta memperkasakan elemen ketelusan dan kemampunan atau "sustainability."

Beliau meletakkan hala tuju pentadbiran dengan berpaksikan empat dasar iaitu 17 Matlamat Sustainable Development Goals (SDG) 2030, Malaysia MADANI, Petaling Jaya Smart, Sustainable and Resilient (PJSSR) 2030 dan Rancangan Selangor Pertama (RS-1).

Inisiatif-inisiatif yang dirancang untuk mendokong empat dasar tersebut antaranya adalah seperti berikut:



## SASARAN KERJA UTAMA (SKU) BERIMPAK KEPADA RS-1

Teras 1 Pengukuran Ekonomi	Teras 2 Inklusiviti Sosial dan Kejayaan Rakyat	Teras 3 Pemacu Ketumbuhan	Teras 4 Tadbir Urus SMART dan Efektif
<ul style="list-style-type: none"> <li>Melaksanakan pembiagaan secara dalam talian (online) di Kawasan kediaman</li> <li>Aktiviti Car Boot Sales</li> <li>Kursus Pembangunan Usahawan</li> <li>Leisure @ PJ State 52</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Impleksyon PJC City Food Valley Fasa 2</li> <li>Cadangan pembangunan semula Bangunan Kompleks C dan Padang Timur</li> <li>Cadangan pembangunan semula Kuanters Seksyen 8</li> <li>Cadangan pembangunan semula Pasar Jalan Othman</li> <li>Age-Friendly City atau Pelan Tindakan Warga Emas</li> <li>Projek Bandar Selamat atau blackspot</li> <li>Place Making @ School</li> <li>PJ Disaster Map &amp; PJ Disaster Management Plan</li> <li>Kolam takungan "on-site stormwater detention" (OSWD)</li> <li>Learning City</li> <li>Child Friendly City</li> <li>Blueprint tanda-tanda awam (Konsep tanda B.M.W)</li> <li>Search and destroy Aedes Ranger (SEDA)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Climate action plan</li> <li>Pelan Induk Pengangkutan First Last Mile Improvement Project</li> <li>Online Monitoring System (OMS) &amp; Energy Performance Contract (EPC)</li> <li>Pemasangan sistem solar di bangunan/bangunan Majlis</li> <li>Zero CAPEX Program dan pengukuran Energy Management System</li> <li>PJ Eco Recycling Plaza</li> <li>SS2 Smart PJ Waste Solution Lab</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>PJ Smart City yang melibatkan pembangunan sistem dashboard, Mini Smart Centre, Internet of Things (IoT)</li> <li>Mobile Mini Smart Centre Komuniti</li> <li>Transformasi Pendigitalan eCOB</li> <li>Ekosistem kondusif sektor awam PJ Plus</li> <li>PJKita Parking</li> </ul>



Dari segi perancangan dan pembangunan masa depan Petaling Jaya pula, beliau berpandangan Petaling Jaya seperti bandar raya dalam wilayah pertumbuhan ekonomi negara, ia tidak lari daripada dilanda dengan impak negatif akibat daripada proses urbanisasi seperti kesesakan lalu lintas, kemampuan pemilikan rumah, pencemaran, kos sara hidup yang tinggi dan persaingan dalam peluang pekerjaan yang makro. Lebih-lebih



lagi dengan aspirasi dan permintaan tinggi masyarakat Petaling Jaya yang begitu proaktif, berminat dan vokal dalam menyertai urus tadbir bandar. Tambahan lagi, perubahan iklim mengakibatkan berlakunya bencana alam, globalisasi menjadikan peralihan modal dan bakat yang mudah hilang dan pemajuan teknologi serta media sosial turut memerlukan perhatian khusus sebagai pengurus bandar. Dalam keadaan kompleksiti ini,

daya saing sektor ekonomi adalah kompetitif dan daya hidup penduduk terutamanya masyarakat B40 terjamin.

Dari segi transformasi wajah Pusat Bandar Seksyen 52 yang menjadi pusat pentadbiran MBPJ pula, beliau menanam impian untuk melihat pusat bandar ini tumbuh dengan lebih pesat sebagai sebuah pusat

bandar raya berkarakter, unik dengan identiti tersendiri setaraf dengan metropolitan lain menerusi galakan diberikan kepada pembangunan semula lot tanah yang masih rendah daripada nilai potensi dan juga terbinanya jaringan pengangkutan rel.



# PERKHIDMATAN PERBANDARAN BERPRESTASI TINGGI

PETALING JAYA, 8 FEBRUARI 2024 - Majlis Bandaraya Petaling Jaya akan secara berterusan berusaha memantapkan kapasiti organisasi agar dapat merealisasikan dan memperkasakan penyampaian perkhidmatan secara cekap dan berkesan serta memenuhi ekspektasi rakyat. Sejajar dengan amanat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPA) baru-baru ini, tanggungjawab besar kepada rakyat, ini hendaklah dilaksanakan berdasarkan tiga prinsip iaitu *Facilitate* iaitu memudahkan urusan yang melibatkan pemegang tanah dan pelanggan.

Seterusnya *Accommodate*, merujuk kepada bagaimana kita menyesuaikan cara kerja kita agar selari dengan agenda kerajaan semasa dan yang terakhir *Accelerate*, menyegerakan pelaksanaan segala keputusan kerajaan agar inisiatif-inisiatif dapat sampai secara tepat dan dirasai oleh rakyat.

Berdasarkan ini, MBPJ akan menegakkan prinsip berpaksikan konsep 17 Matlamat SDG 2030, Malaysia MADANI dan PJSSR 2030 sehala dengan Rancangan Selangor Pertama (RS-1). Program kemasyarakatan yang berteraskan kepada rakyat dan komuniti atau "Citizen Centric" akan terus dipertingkatkan selain memastikan Sasaran Kerja Utama (SKU) akan memberikan impak kepada 6 nilai teras utama Malaysia MADANI iaitu Kemampunan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan. Pelaksanaan SKU ini turut memberi impak kepada 4 teras utama dalam Rancangan Selangor Pertama iaitu:

## 4 TERAS UTAMA DALAM RANCANGAN SELANGOR PERTAMA

<b>A</b>	<b>TERAS 1</b> Pengukuhan Ekonomi - 66 program / projek / inisiatif	<b>C</b>	<b>TERAS 3</b> Pemajuan Kelestarian - 108 program / projek / inisiatif
<b>B</b>	<b>TERAS 2</b> Inklusiviti Sosial dan Kesejahteraan Banyak - 58 program / projek / inisiatif	<b>D</b>	<b>TERAS 4</b> Tadbir Urus Smart dan Elektif - 254 program / projek / inisiatif

## KEM PEN BAYARAN CUKAI TAKSIRAN PETALING JAYA SELATAN (PJS 1 - PJS 10)

KELANA JAYA, 12 FEBRUARI 2024 - Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah mengadakan kempen bayaran cukai taksiran di seluruh kawasan Petaling Jaya Selatan (PJS 1 - PJS 10) pada 24-25 Februari 2024 yang lalu. Sepanjang tempoh 2 hari kempen tersebut diadakan, Majlis menawarkan khidmat nasihat serta rundingan mengenai kaedah pembayaran tunggakan cukai taksiran. Selain itu, orang awam juga boleh menyemak bil cukai taksiran dan membuat pertukaran nama serta alamat surat-menyurat di kaunter-kaunter yang disediakan.

Mengikut rekod, jumlah tunggakan cukai taksiran keseluruhan di kawasan PJS adalah berjumlah RM 8,074,006.23 melibatkan 11,796 pegangan. Daripada jumlah ini, RM 727,050.82 adalah merupakan tunggakan bagi kediaman kos rendah manakala baki RM7,346,955.41 tunggakan bagi pegangan selain kos rendah. Seperti semua sedia maklum, tarikh akhir pembayaran cukai taksiran bagi penggal Januari-Jun 2024 berakhir pada 29 Februari 2024.

Sebagai sebuah pihak berkuasa tempatan (PBT) yang cemerlang, Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah dipandang oleh PBT yang lain sebagai sebuah organisasi yang memiliki mutu penyampaian perkhidmatan yang berprestasi tinggi. Segala kejayaan dan lakaran kecemerlangan ini adalah keberhasilan daripada sikap kerjasama yang tinggi dalam kalangan setiap warga Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Namun, Majlis perlu akur, cabaran masa kini adalah bagaimana untuk mengekalkan prestasi dan nama baik yang disandang. Oleh itu, semua warga kerja hendaklah bersama-sama bertanggungjawab dan berusaha dengan gigih untuk mempertahankan dan seharusnya ia menjadi suatu budaya di Majlis yang sentiasa dahagakan kecemerlangan dan kejayaan.



Oleh itu, Majlis menggalakkan orang ramai yang tinggal di kawasan-kawasan yang berhampiran untuk mengambil kesempatan menjelaskan bayaran cukai taksiran semasa dan tertunggak sepanjang tempoh dua hari kempen diadakan.

Majlis akan menyediakan cenderahati kepada pembayar yang menjelaskan cukai taksiran untuk tempoh satu tahun sebagai galakan dan penghargaan kepada pembayar yang telah melaksanakan tanggungjawab mereka.





**S**EKSyen 52, 13 FEBRUARI 2024 - Majlis Bandaraya Petaling Jaya merupakan sebuah pihak berkuasa tempatan (PBT) yang menjadi penghubung di antara kerajaan dan rakyat perlu menerajui perubahan yang berterusan bagi mengurangkan ketirisan, meningkatkan hasil dan mengoptimalkan sumber sedia ada tanpa pembaziran.

Keutamaan kepada civil service reform – islah masta to’tum merangkumi peningkatan kecekapan, keberkesan dan profesionalisme warga Majlis sebagai penjawat awam akan menjadikan Majlis sebagai sebuah PBT yang unggul dan makmur seiring dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Justeru dalam usaha Majlis membawa perubahan dari aspek tatakelola baik dan mencegah rasuah di negara ini, Majlis komited melaksanakan MS ISO 37001:2016 ABMS. Sebanyak 120 risiko rasuah daripada 71 proses utama telah dikenal pasti untuk diaudit pematuhan oleh pihak SIRIM.

Komitmen MBPJ terhadap pengurusan antirasuah ini antara yang telah menyumbang kedudukan Malaysia meningkat dari tangga 61 ke 57 pada tahun 2023 dalam kalangan 180 keseluruhan negara yang dinilai berbanding tangga 61 pada 2022.

## MAJLIS KOMITED LAKSANA ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEMS (ABMS)

- MS ISO 37001:2016

Sehubungan itu, demi mencapai hasrat kerajaan untuk meletakkan Malaysia pada kedudukan ke-25 dalam pengukuran CPI menjelang 2033, Majlis Bandaraya Petaling Jaya akan terus memberi sepenuh komitmen untuk menambah baik strategi pencegahan rasuah dan pengurusan tatakelola baik dan berharap mendapat kerjasama semua pihak bagi mencapai hasrat ini.

## BAZAR RAMADHAN MBPJ DIGITAL AND CLEAN

PETALING JAYA, 16 FEBRUARI 2024 - Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menyediakan sebanyak 19 lokasi bazar Ramadhan melibatkan 1,243 petak mengikut zon pada tahun ini. Sesi cabutan undi petak bazar Ramadhan MBPJ bagi tahun 2024 telah diadakan pada 8 Februari 2024 yang lalu bertempat di Dewan Sivik Petaling Jaya.

Bertemakan digital & clean, ianya selari dengan saranan Kerajaan Negeri Selangor dalam meningkatkan penggunaan Internet Of Things (IOT) terutama di dalam sektor mikro. Seiring dengan aspirasi tersebut, MBPJ sentiasa menekankan berkaitan urus niaga tanpa tunai atau cashless untuk meningkatkan penerima-gunaan teknologi digital yang meluas dalam kalangan masyarakat kerana ianya lebih praktikal dan selamat.

Inisiatif ini juga adalah antara kempen promosi dan kesedaran yang dijalankan oleh MBPJ bagi memacu peralihan kepada pembayaran tanpa tunai seterusnya memacu transformasi digital Negeri Selangor mencapai pembangunan ekonomi digital yang mampan. Kesemua usahawan mikro ini juga telah diberikan taklimat dan perkongsian tentang menguasai ilmu kejuruteraan makanan menu di bulan Ramadhan, pembiayaan skim i-bermusim bagi peniaga bazar Ramadhan dan Aidilfitri dan kepentingan pengendalian makanan.

Majlis turut komited dalam mentransformasikan usahawan-usahawan mikro di Petaling Jaya melalui bimbingan dan kursus yang akan diadakan sepanjang tahun 2024 antaranya adalah bengkel berkenaan “Menu Engineering” yang akan diadakan pada 4 Mac 2024 yang lalu secara percuma.

Bagi kerja-kerja pembersihan bazar Ramadhan pada tahun 2023 pula, Majlis

telah membelanjakan sejumlah RM 60,000.00. Justeru, kesemua bakal usahawan mikro hendaklah bersama-sama dengan MBPJ untuk menjaga kebersihan bazar Ramadhan. Sebagai contoh, akibat daripada sikap sambil lewa dengan membuang sampah atau sisa ke dalam longkang, perbuatan yang tidak bertanggungjawab ini yang akan mengakibatkan pelbagai masalah antaranya adalah seperti masalah longkang tersumbat, banjir kilat, pembiakan nyamuk aedes dan lain-lain.

Majlis akan memastikan semua lokasi bazar Ramadhan pada tahun ini berada dalam keadaan terbaik tanpa sebarang aduan berkenaan kebersihan.

Majlis ingin mengingatkan kepada semua usahawan mikro supaya mematuhi semua syarat yang telah ditetapkan oleh Majlis agar dapat menepati piawaian yang lebih tinggi kepada bazar-bazar Ramadhan di Petaling Jaya.

# PEMBERITAHUAN

[www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) Majlis Bandaraya Petaling Jaya [pjcitycouncil.gov.my](https://pjcitycouncil.gov.my)

MALAYSIA  
WAKTU  
PERYOU

SISPA  
[www.mbpj.spab.gov.my](http://www.mbpj.spab.gov.my)

HOTLINE ADUAN  
03-7954 2020

BILIK GERAKAN BENCANA  
03-7957 4113 (Operasi 24 Jam)

DATANG SENDIRI / KAUNTER

Sokongan Aduan Awam,  
Tingkat Bahaw, Bangunan Annex MBPJ,  
Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan

MOBILE APPS (RESPON RAKYAT)



## SISTEM PENGURUSAN ADUAN AWAM (SISPA)

### SALURAN ADUAN TUNGGAL MBPJ

**S**EKSyen 52, 19 Februari 2024 - Pengurusan aduan awam merupakan salah satu fungsi utama Majlis Bandaraya Petaling Jaya dalam usaha memberi perkhidmatan terbaik kepada orang awam khususnya penduduk Petaling Jaya. Maklum balas daripada pelanggan juga merupakan sumber terpenting dalam menilai keupayaan dan keberkesanan sesebuah organisasi. Justeru itu, Majlis sentiasa memberi tumpuan untuk memastikan aduan penduduk ditangani dengan segera bagi memastikan perkhidmatan yang efisien dapat disediakan.

Sistem Pengurusan Perhubungan Pelanggan (SPPP) bagi pengurusan aduan awam, mula diguna pakai oleh Majlis sejak tahun 2004 bagi membolehkan dan memudahkan aduan yang dibuat oleh penduduk Petaling Jaya direkod, dipantau dan diambil tindakan oleh Jabatan/Bahagian yang terlibat.

Majlis juga pada tahun tersebut telah menubuhkan satu Jawatankuasa Bertindak (Task Force) untuk mengkaji dan memberi cadangan penambahbaikan proses pengurusan aduan awam. Tumpuan utama Jawatankuasa Bertindak ini adalah untuk menyediakan Standard Operating Procedure (SOP) dan Service Level Agreement (SLA) atau Perjanjian Perkhidmatan mengikut SOP yang ditetapkan.

Jawatankuasa tersebut juga telah mereka bentuk dan bersetuju untuk menggunakan pakai pengelasan 4 tahap keseriusan aduan awam iaitu:



MBPJ juga telah memperkenalkan Sistem eAduan MBPJ yang telah dilancarkan pada 9 September 2018 bagi menggantikan Sistem Perhubungan Pengurusan Pelanggan (SPPP) yang digunakan sejak 2004. Untuk makluman, aplikasi mudah alih eAduan MBPJ juga telah diperkenalkan pada tahun 2019. MBPJ juga merupakan pihak berkuasa tempatan (PBT) pertama yang mewujudkan saluran aduan melalui media sosial dengan adanya Facebook Aduan MBPJ bagi memudahkan penduduk mengemukakan aduan.

Terkini sehingga tahun 2024 ini, beberapa siri penambahbaikan Pengurusan Aduan Awam telah dilaksanakan di peringkat Persekutuan mahupun Negeri.

Pentadbiran Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Selangor juga dengan penuh komited ke arah mewujudkan gerbang aduan tunggal yang terpakai kepada semua jabatan dan agensi di Negeri Selangor yang dikenali sebagai Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPA). MBPJ telah menggunakan pakai SISPA sebagai salah satu sumber penerimaan aduan sejak tahun 2019 hingga kini.

SISPA adalah sistem pengurusan aduan yang telah dibangunkan oleh Biro Pengaduan Awam (BPA) yang berperanan sebagai badan pemantau, manakala semua aduan hendaklah terus disalurkan kepada agensi awam bagi diambil tindakan penyelesaian.

Sebagai langkah persediaan ke arah ini, beberapa siri latihan/bengkel telah disediakan kepada Penyelaras/Pegawai Penyiasat Aduan Jabatan pada penghujung Januari dan awal Februari lepas. Pada 21 Februari yang lalu, sesi taklimat tentang tatacara penggunaan SISPA juga telah diberikan kepada Ahli Majlis / Ketua Jabatan / Pegawai Majlis bertempat di Dewan Sivik. SISPA ini akan digunakan sepenuhnya bermula 1 Mac tahun 2024 di MBPJ bagi menggantikan Sistem eAduan MBPJ.

Sehubungan itu, bagi kemudahan pelanggan / orang awam yang ingin membuat aduan, boleh berbuat demikian melalui beberapa saluran aduan yang disediakan seperti melayari laman sesawang Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPA) di <https://mbpj.spab.gov.my/>, muat turun percuma aplikasi telefon pintar (Respons Rakyat), hubungi talian Hotline Aduan MBPJ di 03-7954 2020 dan talian Bilik Gerakan Bencana MBPJ 24 Jam di 03-7957 4113, melalui saluran e-mel di [aduan@mbpj.gov.my](mailto:aduan@mbpj.gov.my) atau boleh juga datang sendiri ke Kaunter Aduan secara bersemuka di alamat Seksyen Aduan Awam, Tingkat Bahaw, Bangunan Annex MBPJ, Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

## PEMBERITAHUAN

SISPA

Mulai 1 Mac 2024, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) akan menaiktaraf sistem e-Aduan kepada Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPA).

Sehubungan itu, Aplikasi mobile e-Aduan MBPJ dihentikan buat sekotika. Pelanggan atau orang awam boleh menyalurkan aduan melalui saluran yang disediakan.

**SISPA**  
[www.mbpj.spab.gov.my](http://www.mbpj.spab.gov.my)

**HOTLINE ADUAN**  
03-7954 2020

**BILIK GERAKAN BENCANA**  
03-7957 4113 (Operasi 24 Jam)

**DATANG SENDIRI / KAUNTER**  
Seksyen Aduan Awam,  
Tingkat Bahaw,  
Bangunan Annex MBPJ,  
Jalan Yong Shook Lin,  
46675 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan



# PETALING JAYA

## BANDAR RAYA SELAMAT

KELANA JAYA, 20 FEBRUARI 2024 - Memahami dan mengamati aspek keselamatan persekitaran merupakan satu kesedaran yang perlu ada pada setiap warga kerja Majlis. Saban hari kita melaksanakan tugas harian sama ada di pejabat mahupun di luar, dengan langkah proaktif kakitangan dalam membantu menyelesaikan masalah di lapangan tanpa perlu menerima aduan dahulu merupakan satu tindakan yang harus dipuji.

Selaras dengan matlamat menjadikan Petaling Jaya sebagai bandar selamat, komuniti juga perlu memainkan peranan bersama dalam menjaga keselamatan di peringkat komuniti. Sebagai contoh, pemanduan di sekitar kawasan sekolah yang sememangnya perlu dipandu perlahan, pemakaian topi keledar oleh penduduk ketika menunggang motosikal dalam kawasan taman dan juga mewujudkan persekitaran yang selamat dan bersih tanpa melakukan pencemaran yang mampu mendatangkan kesan kepada komuniti.

Sebagai inisiatif menjadikan masyarakat Petaling Jaya mempunyai satu pemahaman yang senada dengan menjadikan bandar ini lebih selamat, program OSHE In School merupakan antara inisiatif dalam memberikan kesedaran pada akar umbi iaitu golongan pelajar sekolah dan juga warga pendidik. Pendedahan kepada penaksiran risiko mampu menjadikan warga sekolah mempunyai ilmu yang boleh mengenal pasti tahap bahaya atau keterukan sesuatu keadaan.

Fasa pertama program OSHE In School ini telahpun bermula pada tahun 2023 melibatkan sepuluh buah sekolah dan akan tamat pada tahun 2024. Sepuluh buah sekolah yang terlibat adalah lima sekolah menengah (Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 8 Kota Damansara, Sekolah Menengah Kebangsaan Damansara Damai Satu (1), Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Utama Damansara Dua (2), Sekolah Menengah Kebangsaan Assunta dan Sekolah Menengah Kebangsaan Lembah Subang).

Manakala bagi sekolah rendah (Sekolah Kebangsaan Bukit Lanjan), dua sekolah jenis kebangsaan (Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Katolik, Sekolah Jenis Kebangsaan (T) Vivekananda) dan dua sekolah rendah agama (Sekolah Rendah Agama Kampung Baiduri dan Sekolah Rendah Agama Kampung Sungai Kayu Ara).

Modul pendidikan fasa pertama, ini akan dibukukan serta akan dilaksanakan di seluruh sekolah dalam pentadbiran bandar Petaling Jaya dengan kerjasama pihak berkepentingan. Majlis Bandaraya Petaling Jaya komited dalam pelaksanaan program ini dan fasa kedua serta seterusnya akan dijalankan oleh kakitangan Majlis sendiri. Ini secara tidak langsung akan membina sahsiah dan jati diri kakitangan dalam penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat.



# SAMBUTAN PERAYAAN TAHUN BAHARU CINA 2024

**S**EKSYEN 52, 2 MAC 2024 - Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah mengadakan sambutan perayaan Tahun Baharu Cina Tahun 2024 yang dirasmikan Datuk Bandar Petaling Jaya, Tuan Hj. Mohamad Zahri Hj. Samington. Sambutan turut dimeriahkan dengan kehadiran Exco Negeri Selangor YB Pn. Jamaliah Jamaluddin dan YB Tuan Dr. Mohammad Fahmi Ngah.



Tidak ketinggalan hadir, Ahli Parlimen Petaling Jaya, YB Tuan Lee Chean Chung, Ahli Dewan Negeri Bukit Gasing, YB Tuan Rajiv Rishyakaran, Ahli-ahli Majlis dan Ketua-ketua Jabatan MBPJ.



Sambutan kali ini menampilkan pelbagai kemeriahan seperti persembahan kebudayaan, pemberian angpau kepada kanak-kanak dan warga emas, penyampaian barang "Back to School" oleh Yayasan Chek Sin, penyampaian hadiah "Couple Tower Hour Race MBPJ" serta tarian singa dan naga.

Dengan adanya sambutan perayaan ini diharapkan dapat merapatkan lagi hubungan di antara pemimpin dengan masyarakat khususnya di Petaling Jaya serta memupuk persefahaman dalam masyarakat serta melambangkan keistimewaan budaya yang ada di negara ini yang terdiri daripada pelbagai kaum dan menganuti pelbagai agama.



# MBPJ ANJUR PROGRAM

## Kesedaran Keselamatan ICT

**S**EKSYEN 52, 5 MAC 2024 - Bertemakan "Digitalisasi Pemacu Transformasi Perkhidmatan" Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menganjurkan Program Kesedaran Keselamatan ICT bermula pada 21 Februari 2024 hingga 8 Mac 2024.

Ia bersesuaian dengan arus pemodenan dan perkembangan era digitalisasi masa kini, serta hala tuju MBPJ ke fasa menavigasikan era pendigitalan sejajar dengan matlamat PJSSR 2030 yang merupakan nadi utama panduan pembangunan bandar raya Petaling Jaya pada masa hadapan.

Antara tujuan pelaksanaan program ini adalah bagi mematuhi standard pematuhan ISO/IEC 27001:2013 ISMS di mana salah satu objektif dari lima matriks pengukuran keberkesanan yang dibangunkan perlu selaras dengan objektif keselamatan maklumat Majlis iaitu memastikan program kesedaran keselamatan ICT ini dilaksanakan sekurang-kurangnya setahun sekali.

Antara aktiviti yang telah dijalankan sepanjang minggu kesedaran ini adalah seperti Pertandingan Amazing Running Chef ICT MBPJ 2024, pertandingan reka cipta montaj, kuiz ICT, Bengkel Kesedaran Keselamatan ICT dan Majlis Apresiasi Penutup Program Kesedaran Keselamatan ICT Tahun 2024.



# Petaling Jaya

## BANDAR PALING BAHAGIA

### SAMBUTAN HARI KEBAHAGIAAN SEDUNIA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2024

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menerima Anugerah Bandar Paling Bahagia 2024 sempena Sambutan Hari Kebahagiaan Sedunia (Happiness Index) Peringkat Kebangsaan yang bertemakan "Bahagia Bersama Malaysia MADANI". United Nations telah memperkenalkan International Day of Happiness atau Hari Kebahagiaan Sedunia pada tahun 2012.

Sambutan ini bertujuan mengiktiraf hubung kait antara keseimbangan pembangunan fizikal, sosial dan alam sekitar ke arah kebahagiaan dan kesejahteraan penduduk sejagat. Bersempena dengan sambutan tersebut, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui PLANMalaysia turut menyambutnya pada setiap tahun.

Indeks Kebahagiaan (Happiness Index) penduduk bandar di bawah Penunjuk Bandar Mampan Malaysia (MURNInets) merupakan kaedah mengukur tahap kesejahteraan dan kebahagiaan penduduk dengan lebih menyeluruh termasuk kesihatan mental dan emosional.

Penilaian indeks kebahagiaan ini dijalankan di kawasan pihak berkuasa tempatan melalui soal selidik ke atas penduduk yang terdiri daripada pelbagai peringkat umur, kaum dan latar belakang pendidikan sama ada di sektor kerajaan ataupun swasta yang dijana oleh Pusat Operasi MURNInets Kebangsaan (POMK), PLANMalaysia.

Anugerah tersebut bukan sahaja sebagai pengiktirafan kepada Majlis, malah sebagai satu cabaran bagi Majlis untuk terus mempertingkatkan usaha untuk memberikan perkhidmatan terbaik dan berusaha mencetuskan dan melaksanakan pelbagai inisiatif untuk kesejahteraan warga bandar raya Petaling Jaya.





# INDEKS KEBAHAGIAAN BANDAR 2024



Soal selidik Indeks Kebahagiaan yang dijana oleh Pusat Operasi MURNInets Kebangsaan (POMK) melalui PLANMalaysia merangkumi 14 komponen iaitu kesejahteraan psikologi, komuniti yang berdaya hidup, kepelbagaiannya budaya dan ketahanan, kesihatan, pendidikan, kepelbagaiannya ekologi, kualiti kehidupan dan kecekapan urus tadbir.

14 komponen tersebut adalah Tahap Tekanan (Stres), Kesihatan, Bahagia (Keluarga), Bekerja, Kewangan, Hubungan (Jiran), Aktiviti Komuniti, Kediaman (Selesa & Selamat), Kemudahan Awam, Kemudahan Infrastruktur, Perkhidmatan PBT, Perkhidmatan Swasta, Perkhidmatan Pemimpin dan Alam Sekitar.

Soal Selidik Indeks Kebahagiaan pula, melibatkan 42 soalan. Antara soalan-soalannya adalah:

## 01 TAHAP TEKANAN

Tahap tekanan stress hubungan kekeluargaan kehidupan, tahap tekanan stress tempat kerja dan tahap tekanan stress persekitaran tempat tinggal.

## 02 TAHAP KEPUASAN HATI

Kesihatan diri sendiri, kesihatan keluarga, kebahagiaan dengan keluarga sendiri (suami, isteri dan anak-anak), kebahagiaan dengan keluarga terdekat (ibu, bapa dan adik-beradik), kebahagiaan dengan saudara-mara, keseronokan dengan organisasi tempat kerja, keseronokan dengan suasana tempat kerja, keseronokan dengan tugas kerja, kepuasan pendapatan, kepuasan pengurusan perbelanjaan dan kepuasan dengan pengurusan simpanan.

## 03 TAHAP KEPUASAN PERHUBUNGAN

Hubungan baik dengan jiran sebelah, hubungan baik dengan jiran terdekat, hubungan baik dengan keseluruhan kejiran, keseronokan semasa terlibat dengan aktiviti gotong-royong, seronok semasa terlibat dengan majlis keraian, seronok semasa terlibat dengan majlis perayaan, selesa dan selamat berada di dalam rumah, berasa selesa dan selamat berada di persekitaran luar rumah dan selesa dan selamat berada di kawasan kejiran.

## 04 TAHAP KEPUASAN DENGAN KEMUDAHAN

Kemudahan kesihatan, kemudahan pendidikan, kemudahan kegamaan, kemudahan bekalan air, kemudahan elektrik, kemudahan sistem pembentangan dan kumbahan, perkhidmatan kebersihan PBT, penyelenggaraan kemudahan awam dan infrastruktur PBT.

## 05 TAHAP KEPUASAN DENGAN PERKHIDMATAN

Khidmat pelanggan PBT, perkhidmatan perbankan, perkhidmatan telekomunikasi (telefon dan internet), perkhidmatan pengangkutan awam, perkhidmatan dalam sesi perjumpaan bersama penduduk yang diberikan oleh pemimpin tempatan, perkhidmatan mendengar dan menyelesaikan masalah penduduk yang diberikan oleh pemimpin tempatan.

## 06 TAHAP KEPUASAN ALAM SEKITAR

Kualiti udara, kualiti air, kualiti pengurusan sampah dan perkara-perkara yang boleh menambahkan kebahagiaan kehidupan.



# KRITERIA

Indeks Kebahagiaan ini turut dinilai berdasarkan 4 kriteria.

Hasil analisis borang soal selidik Indeks Kebahagiaan yang diedarkan secara dalam talian kepada penduduk melalui Ahli Majlis PBT, kaunter-kaunter Jabatan, program-program rasmi Majlis.

Skala Kebahagiaan daripada skala 1 (kurang bahagia) hingga skala 5 (bahagia) setiap pilihan soalan

Bilangan responden adalah mengikut kategori PBT iaitu 450 responden kategori bandar raya, 400 responden kategori perbandaran dan 300 responden kategori daerah.

Peratusan kebahagiaan adalah > 80% (Bahagia), 50-79% (Sederhana Bahagia), < 49% (Kurang Bahagia)

KRITERIA

01

KRITERIA

02

KRITERIA

03

KRITERIA

04





## PROGRAM MOTIVASI REMAJA

**S**EKSYEN 3, 5 MAC 2024 - Seramai 90 pelajar terdiri daripada pelajar tingkatan satu hingga lima yang juga merupakan anak-anak kakitangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menyertai Program Motivasi Remaja: Kembali ke Sekolah anjuran Jabatan Pembangunan Masyarakat bersama Kelab Akrab MBPJ yang diadakan di Dewan Ilmu, Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya.

Program ini merupakan aktiviti tanggungjawab sosial korporat MBPJ untuk membantu pelajar bersedia dari segi mental dan fizikal untuk menempuh sesi persekolahan 2024/2025 yang akan bermula tidak lama lagi.

Penganjuran kali ini menampilkan kelainan dengan penampilan Datuk Bandar Petaling Jaya, Tuan Hj. Mohamad Zahri Hj. Samingon yang bertindak sebagai motivator bagi segmen "Inspiration Talk Bersama Datuk Bandar" untuk memberi kata-kata semangat kepada para peserta.



ia merupakan cetusan idea beliau sendiri dan merupakan salah satu inisiatif MBPJ untuk memperkasa golongan remaja membina jati diri dan sahsiah untuk melahirkan sifat kepimpinan dalam diri mereka.





## ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2023 DAN SANJUNGAN BUDI PESARA 2024

**S**EKSYEN 52, 6 MAC 2024 - Seramai 182 kakitangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah menerima Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2023 dan Majlis Sanjungan Budi Pesara Tahun 2024 yang telah disampaikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, YB Dato' Setia Hj. Haris Kasim dan Datuk Bandar Petaling Jaya, Tuan Hj. Mohamad Zahri Hj. Samington. Majlis ini merupakan acara tahunan untuk memberi pengiktirafan serta penghargaan kepada warga kerja MBPJ atas sumbangan serta

pencapaian cemerlang kakitangan berdasarkan prestasi tahunan.

Pada majlis ini turut diadakan penyampaian Anugerah Khas Datuk Bandar yang dibahagikan kepada dua kategori iaitu Inovasi Perkhidmatan (Teknikal dan Pengurusan) dan Kepimpinan Inovatif.

Bagi kategori Inovasi Perkhidmatan merupakan penghargaan dan penghormatan kepada kakitangan yang telah memberikan sumbangan tenaga dan

mencurahkan idea-idea dalam menghasilkan dan mencipta sesuatu yang memberikan impak yang positif kepada organisasi dan luar organisasi. Manakala Anugerah Khas Datuk Bandar bagi kategori Kepimpinan Inovatif adalah sebagai 'role model' dalam melaksanakan tugas yang membawa kepada kecemerlangan dalam bidang pengurusan organisasi.

Majlis ini turut meraikan pegawai dan kakitangan yang akan bersara tahun 2024 seramai 28 orang. Pegawai dan kakitangan ini akan menerima hadiah menunaikan umrah bagi kakitangan beragama Islam manakala lawatan ke tempat keagamaan bagi kakitangan bukan Islam.



# TAKLIMAT TRANSFORMASI

## STADIUM MBPJ



KELANA JAYA, 6 Mac 2024 - Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan berangkat ke sesi taklimat projek menaik taraf dan transformasi Stadium MBPJ, Kelana Jaya.

Sesi taklimat ini telah disampaikan oleh Datuk Bandar Petaling Jaya, Tuan Hj. Mohamad Zahri Hj. Samington berkenaan

status naik taraf stadium yang melibatkan pemasangan bumbung, kerja-kerja membaiki poltrack, naik taraf alat siar raya, kerja-kerja landskap dan tempat letak kereta dengan kos keseluruhan mencecah RM 8.55 juta.

Baginda turut mengambil kesempatan untuk meninjau perjalanan projek menaik taraf yang sedang giat berlangsung.

Untuk rekod stadium MBPJ akan menjadi venue rasmi buat Gergasi Merah Kuning yang akan digunakan sebagai gelanggang home Selangor sepanjang musim Liga Malaysia 2024-2025.







## KUNJUNGAN DELEGASI JAPANESE BUSINESS ALLIANCE FOR SMART ENERGY WORLDWIDE

**S**EKSYEN 52, 7 MAC 2024 - Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menerima kunjungan delegasi dari Japanese Business Alliance for Smart Energy Worldwide yang dianggotai enam orang peserta diketuai En. Yamamoto.

Lawatan ini untuk melihat dengan lebih dekat program 'Zero Energy Building' yang dilaksanakan oleh MBPJ di Kompleks Sukan Astaka Petaling Jaya.

Delegasi kemudiannya dibawa meninjau sekitar bangunan ini yang pernah menerima Anugerah Tempat Pertama Kategori Energy Efficient Building: Special Submission - Zero Energy Building pada tahun 2022.



# ANUGERAH KECEMERLANGAN

## SUKAN MBPJ

**S**EKSYEN 52, 7 MAC 2024 - Datuk Bandar Petaling Jaya, Tuan Hj. Mohamad Zahri Hj. Samingon telah merasmikan Majlis Anugerah Kecemerlangan Sukan MBPJ yang berlangsung di Dewan Banquet, MBPJ.

Anugerah ini merupakan penghargaan Majlis kepada para atlet, jurulatih serta pengurus sukan yang telah menaikkan nama MBPJ dalam arena sukan negara.

Anugerah olahragawan telah dinobatkan kepada atlet sepak takraw manakala olahragawati disandang oleh atlet berbasikal.

Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya, Tuan Aznan Hj. Hassan pula telah dinobatkan sebagai tokoh sukan di atas kepimpinan, jasa dan sumbangan beliau di dalam bidang sukan sama ada di peringkat negeri dan juga negara.

Beberapa kejayaan besar telah diraih oleh MBPJ pada tahun 2023. Pasukan MBPJ telah berjaya menjadi naib johan keseluruhan Sukan Badan Berkanun 2023 dengan menjadi johan tujuh acara sukan iaitu futsal lelaki, bola jaring, hoki, basikal, boling lelaki dan perempuan dan badminton. Pada tahun sama juga MBPJ telah berjaya membantu pasukan daerah Petaling menjadi juara berturut-turut dalam kejohanan Sukan Selangor (SUKSES) 2023 Edisi Ke-14.

## ANUGERAH KECEMERLANGAN SUKAN 2023



## MAJLIS PENYAMPAIAN BUAH KURMA DAN PROGRAM TAUTAN KASIH

Program yang diperkenalkan sejak tahun 2007 ini merupakan antara bentuk penghargaan MBPJ kepada kakitangan Majlis yang telah berkhidmat dengan penuh dedikasi dalam menjayakan visi dan misi Majlis.

MBPJ turut menyampaikan sumbangan khidmat sosial kepada golongan B40 yang terdiri daripada golongan warga emas dan OKU. Pemberian ini juga bertujuan untuk meringankan beban atau tanggungan penerima selain dapat membantu persediaan bagi menyambut bulan Ramadhan nanti.

Seramai 60 penerima sumbangan Tautan Kasih ini dipilih menerusi data eKasih dalam kalangan warga emas dan orang kurang upaya (OKU) yang melibatkan kawasan Petaling Jaya iaitu 50 penerima yang berstatus warga emas dan 10 penerima yang berstatus OKU.

Selain itu, sumbangan wang tunai sebanyak RM300 ini juga merupakan salah satu khidmat komuniti dan keprihatinan MBPJ terhadap warga emas dan OKU di Petaling Jaya dalam membantu meringankan beban penerima untuk menyambut bulan Ramadhan.

**S**EKSYEN 52, 11 MAC 2024 - Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah mengadakan Majlis Sumbangan Buah Kurma kepada Ahli Majlis, Kakitangan dan Program Tautan Kasih Sempena Bulan Ramadhan 1445H. Majlis ini dihadiri oleh Datuk Bandar Petaling Jaya, Tuan Hj. Mohamad Zahri Hj. Samingon di Dewan Banquet MBPJ.





**S**EKSYEN 3, 10 MAC 2024 - Akademi Hoki Remaja MBPJ merupakan program pembangunan remaja sukan hoki yang menjadi platform terbaik mencungkil bakat-bakat baru pelbagai peringkat umur untuk diketengahkan di peringkat yang lebih tinggi.

Penubuhan Akademi Hoki Remaja ini hasil kolaborasi antara National Hockey Development Program, syarikat Lets "Play dan Sekolah Sukan Negeri Selangor.

## PERASMIAN AKADEMI HOKI REMAJA

**MBPJ**

Akademi ini telah dirasmikan Datuk Bandar Petaling Jaya, Tuan Hj. Mohamad Zahri Hj. Samigon.

Program latihan dibahagikan kepada tiga corak latihan iaitu funstik bawah 12 tahun, latihan penjaga gol dan pemain yang boleh dikenakan bagi menyertai kejohanan dan mewakili pasukan hoki MBPJ.

Program remaja jangka masa panjang ini telah berjaya melahirkan pemain-pemain berbakat yang bermain di peringkat MSS Selangor, SUKMA, Piala Tun Abdul Razak dan Malaysia.



# MBPJ PENERAJU SISTEM SMART BILLBOARD DI SELANGOR

**S**EKSYEN 52, 11 MAC 2024 - Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah mengadakan program "Teach-In" dan Majlis Pelancaran Sistem Smart Billboard di Hotel Hilton, Petaling Jaya yang telah dirasmikan oleh Datuk Bandar Petaling Jaya, Tuan Hj. Mohamad Zahri Hj. Samigon. MBPJ telah menjadi PBT peneraju yang menggunakan sistem ini di Selangor bermula pada 25 Mac 2024.

Sistem Smart Billboard merupakan sistem elektronik untuk membuat penyerahan dokumen dan memproses permohonan

bagi pendirian struktur paparan iklan. Ia juga merupakan platform untuk mendapatkan maklumat dan komunikasi dua hala antara Majlis dan pihak syarikat.

Sistem ini telah dibangunkan untuk memudahkan syarikat pengiklanan melalui perunding masing-masing mengemukakan permohonan secara dalam talian bagi menggantikan kaedah manual yang digunakan sebelum ini.

Ia dibangunkan secara berfasa dan akan diperluas dengan pelbagai fungsi dari masa ke semasa. Bagi modul permohonan kebenaran merancang, sistem ini dibangunkan berdasarkan web dan Geographical Information System (GIS) sejajar dengan keperluan terkini pengguna dari segi kefungsian modul dan paparan maklumat di dalam sistem.



## Majlis Pelancaran Sistem Smart Billboard di Hotel Hilton



*Program Lawaian*  
**DATUK BANDAR PETALING JAYA**  
**KE BAZAR RAMADHAN 18 LALU**

# *Lawatan* **Bazar Ramadhan**

'Digital & Clean'

KELANA JAYA, 15 MAC 2024 - Datuk Bandar Petaling Jaya, Tuan Hj. Mohamad Zahri Hj. Samiong turun padang untuk menyantuni dan beramah mesra dengan peniaga dan pengunjung bazar Ramadhan Jalan SS 6/1, Kelana Jaya. Aktiviti ini merupakan aktiviti wajib MBPJ pada bulan Ramadhan untuk meninjau perjalanan bazar Ramadhan di Petaling Jaya.

Pada tahun 2024, MBPJ telah menyediakan sebanyak 19 lokasi bazar Ramadhan dengan jumlah keseluruhan 1,423 petak. Tema 'Digital & Clean' telah diangkat sebagai tema bazar Ramadhan pada tahun ini dengan menggalakkan urus niaga secara 'cashless' dan meningkatkan mutu kebersihan untuk memastikan keselamatan dan kualiti makanan serta minuman.

Sesi lawatan ke bazar Ramadhan ini dilengkapi dengan penyampaian sumbangan bakul rezeki kepada golongan asnaf, fakir miskin dan penduduk setempat di Masjid Al-Hidayah SS 3 Kelana Jaya.

Pada majlis ini, Ahli Dewan Negeri Kg. Tunku, YB Puan Lim Yi Wei turut menyampaikan sumbangan buah kurma kepada pihak masjid. Datuk Bandar Petaling Jaya kemudiannya meluangkan masa berbuka puasa dengan jemaah masjid seterusnya menunaikan solat tarawih secara berjemaah.



# *Lawatan* **Mesra Datuk Bandar**

SEKSYEN 22, 31 MAC 2024 - Datuk Bandar Petaling Jaya, Tuan Hj. Mohamad Zahri Hj. Samiong telah mengadakan Lawatan Mesra Datuk Bandar Petaling Jaya ke Flat Sri Aman bertempat di Dataran Surau Addiniah, Flat Sri Aman, Jalan SS1/39, Seksyen 22, Taman Aman, Petaling Jaya.

Selain kaunter perkhidmatan dari Majlis, program tersebut juga diisi dengan program pendaftaran PADU untuk membuka ruang dan peluang penduduk mendaftar dan melengkapkan maklumat PADU di kaunter Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin

ke Flat Sri Aman

turut hadir meluangkan masa melihat perjalanan kaunter PADU malah memberikan pencerahan PADU kepada penduduk yang hadir. Hadir sama Ahli Dewan Negeri Kg. Tunku, YB Pn. Lim Yi Wei, Ahli-ahli Majlis MBPJ, Timbalan Datuk Bandar, Tuan Aznan Hj. Hassan dan Ketua-ketua Jabatan MBPJ.





# PENYAMPAIAN SUMBANGAN PROGRAM PASUKAN KESELAMATAN KEJIRANAN PETALING JAYA (PKKPJ)

-BAGI TAHUN 2024 -

**S**EKSYEN 52, 21 MAC 2024 - Program Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ) yang berkoncepkan penglibatan awam/komuniti (public engagement) merupakan inisiatif Majlis ke arah memperkuatkan lagi Pelan Induk Keselamatan PJ dan menonjolkan imej MBPJ sebagai PBT yang mementingkan keselamatan serta prihatin berhubung isu-isu keselamatan penduduk setempat.

Pada tahun 2023, Majlis telah memberi sumbangan peruntukan masing-masing RM 3,000.00 kepada 145 permohonan Pasukan Keselamatan yang terbahagi kepada 77 persatuan penduduk (RA), 31 rukun tetangga (RT), 33 badan pengurusan bersama (JMB) dan 4 majlis pengurusan komuniti kampung (MPKK).



Inisiatif pelaksanaan di bawah program bandar selamat ini telah memberikan impak yang sangat baik melalui peningkatan penglibatan penduduk, bilangan rondaan keselamatan, peningkatan kesedaran keselamatan kejiranan dan peranan kumpulan sasar yang dikenal pasti melalui pelaporan yang diterima.

Bagi memantapkan usaha dan perlaksanaan program PKKPJ dengan lebih baik untuk memenuhi 17 Sustainable Development Goals (SDG) dan Rancangan Selangor Pertama (RS-1) yang merupakan rancangan pembangunan komprehensif menjadi teras ke arah mencapai Petaling Jaya Smart, Sustainable & Resilient 2030 (PJSSR2030).

Majlis telah memperuntukkan sebanyak RM 550,000.00 bagi tahun 2024 untuk diberikan sumbangan kepada RA, RT, JMB dan MPKK yang layak serta memenuhi kriteria yang ditetapkan.



# LAWATAN MESRA DATUK BANDAR PETALING JAYA

## KE DESA MENTARI

**D**ESA MENTARI, 23 MAC 2024 - Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah mengadakan program Lawatan Mesra Datuk Bandar Petaling Jaya ke Desa Mentari, Petaling Jaya. Selain mengadakan sesi dialog bersama penduduk, lawatan mesra ini bertujuan untuk beramah mesra dan mengeratkan hubungan bersama penduduk setempat, di samping memberi sokongan dan galakan kepada penduduk Desa Mentari untuk membuat pendaftaran di dalam Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) agar matlamat dan inisiatif kerajaan tercapai dengan jayanya.

Seperti mana semua sedia maklum, bermula 3 Januari 2024 hingga 31 Mac 2024, rakyat Malaysia dikehendaki untuk mendaftar dan mengemas kini maklumat peribadi di dalam Sistem PADU.

PADU merupakan sistem berpusat yang diwujudkan untuk mengumpulkan maklumat daripada pelbagai agensi kerajaan untuk mengurangkan risiko pertindihan data dan maklumat yang tidak konsisten.

Untuk memastikan matlamat dan inisiatif Kerajaan tercapai, Majlis Bandaraya Petaling Jaya dengan kerjasama Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Selangor (DOSM) telah menganjurkan Program Pendaftaran PADU di Desa Mentari, Petaling Jaya pada 23 Mac yang lalu.



Pelbagai kaunter perkhidmatan MBPJ turut dibuka sepanjang program berkenaan bagi memberi perkhidmatan serta membantu penduduk membuat urusan yang berkaitan seperti kaunter Aduan, kaunter pemeriksaan kesihatan dan kawalan vektor, kaunter Jabatan Petaling Jaya mampan, pintar dan berdaya tahan, kaunter semakan pelesenan, kaunter bergerak cukai taksiran, semakan kompaun, pendaftaran eKasih, pembelian minyak masak terpakai dan jualan PJ Eco, kemas kini pemilik harta dan Kaunter PADU.



Selain itu, agensi-agensi seperti PDRM, Pejabat Kesihatan Daerah Petaling dan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Daerah Petaling turut bersama-sama menjayakan program ini.

Sepanjang program berlangsung, jumlah pengunjung yang hadir untuk mendaftar PADU adalah melebihi 1,000 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 851 orang telah membuat semakan pendaftaran. Manakala yang telah mendaftar sehingga selesai adalah sejumlah 516 orang direkodkan oleh pihak DOSM. Bagi pendaftaran eKasih, mencatat seramai 200 orang. Sejumlah 61 orang penerima baucar sumbangan eKasih.





# GARIS PANDUAN PENDAFTARAN DAN PELESENAK PERNIAGAAN

DALAM TALIAN NEGERI SELANGOR

PETALING JAYA, 28 MAC 2024 - Bermula Januari 2022, Kerajaan Negeri Selangor telah mengeluarkan pekeliling mengenai garis panduan pendaftaran dan pelesenan perniagaan dalam talian Negeri Selangor. Berdasarkan kepada arahan tersebut, Majlis telah mendapatkan senarai dan maklumat peniaga secara dalam talian (online) melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Pada Disember 2023, Majlis telah mengeluarkan notis permohonan lesen kepada 3,774 peniaga di sekitar Petaling Jaya. Walau bagaimanapun, sehingga Mac 2024, MBPJ hanya menerima 55 permohonan daripada notis yang telah dikeluarkan dengan peratusan sebanyak 0.0145 peratus (%). Peratusan ini dilihat sangat rendah dan kurang mendapat sambutan orang awam.



## PRESTASI KEWANGAN MAJLIS

PETALING JAYA, 31 MAC 2024. Prestasi keseluruhan kutipan hasil Majlis sehingga 31 Mac 2024 adalah sebanyak RM146.627 juta atau 35.29 peratus berbanding dengan anggaran hasil sebanyak RM 415.479 juta. Kutipan Hasil Cukai berjumlah RM 119.370 juta (41.90 %) menunjukkan sedikit penurunan berbanding tempoh yang sama bulan Mac tahun 2023 sebanyak RM 122.738 juta. Manakala kategori Hasil Bukan Cukai juga menunjukkan penurunan sebanyak RM3.375 juta iaitu daripada RM30.203 juta pada Mac 2023 kepada RM26.828 juta pada Mac 2024.

Bagi prestasi perbelanjaan pula, sehingga 31 Mac 2024, sebanyak RM85.087 juta atau 18.93 peratus telah dibelanjakan berbanding anggaran sebanyak RM 449.457 juta.

Sebanyak RM 70.286 juta atau 19.52 peratus Belanja Mengurus telah dibelanjakan, manakala sebanyak RM14.801 juta atau 16.57 peratus telah dibelanjakan untuk Belanja Pembangunan. Pada tahun 2024, Majlis telah memperuntukkan Belanja Pembangunan sejumlah RM 89.330 juta berbanding dengan anggaran keseluruhan kutipan hasil sebanyak RM415.479 juta bagi menampung projek-projek pembangunan bertujuan untuk memberi kemudahan dan kesejahteraan kepada penduduk Petaling Jaya.


Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Majlis pada 31 Mac 2024 berada di dalam keadaan kukuh di mana kedudukan rizab bersih Majlis adalah berjumlah RM 173.525 juta. Perbelanjaan secara berhemah dan usaha meningkatkan kutipan hasil Majlis akan diteruskan bagi menjamin penyampaian perkhidmatan yang tepat dan berkesan serta dapat memenuhi kehendak seluruh penduduk Petaling Jaya.



# KES DENGGI DI PETALING JAYA BAGI TAHUN 2024

Jumlah kes demam denggi yang dilaporkan pada minggu ke 11/2024 direkodkan sebanyak 167 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 2,076 kes yang dilaporkan. Keadaan ini menurun 5 peratus (%) daripada jumlah kes pada minggu sebelumnya iaitu 175 kes.

Jumlah lokaliti wabak adalah 82 lokaliti dan tiada kes kematian baru yang dilaporkan. Berdasarkan situasi ini, tindakan pencegahan dan kawalan wabak denggi yang dijalankan oleh MBPJ.



## LANGKAH PENCEGAHAN DAN KAWALAN WABAK DENGGI



## OLEH MBPJ

- A) Pemusnahan Tempat Pembibitan (PTP)
- B) Membuat kawalan jentik-jentik melalui *oiling*, *abating*, *mistblower* dan *larvaciding*
- C) Semburan SRT, TIFA dan ULV
- D) Penguatkuasaan (Notis, kompaun dan penutupan tapak binaan)
- E) Pendidikan Kesihatan (Ceramah pendidikan kesihatan, pemasangan *banner/bunting* dan hebatan melalui media sosial)
- F) Pemeriksaan komuniti melalui pasukan SEDAR
- G) Operasi bersepadu bersama Pejabat Kesihatan Daerah

# AKTIVITI AHLI MAJLIS DAN KOMUNITI

## Ahli Majlis Zon 22 Raikan Anak-anak Istimewa



## Bengkel Gubah Bunga



## Bengkel Kesihatan dan Keselamatan Komuniti



## Edaran Limau Mandarin dan Kalendar 2024



# AKTIVITI AHLI MAJLIS DAN KOMUNITI

## Majlis Makan Malam Meraikan Mantan Ahli Majlis



## Mesyuarat MPP Zon 14



## Pendaftaran PADU Zon 20



## Program 'Back to School'



## Program Iftar Perpaduan



## Program Memasak Asam Pedas Melaka



## Program Memasak Bubur Lambuk Perpaduan



## Sambutan Cap Goh Mei



## Sambutan Hari Wanita



## Program 'Back to School' dan Gunting Rambut Percuma



## Senaman Pound with Puteri X MPP Zon 22 & Zon 23



## Senamrobik Zon 22



## Sumbangan Tahun Baharu Cina



## Ziarah Prihatin Bersama Lembaga Zakat Selangor





# AYUH! LUNASKAN BAYARAN CUKAI TAKSIRAN ANDA

Demi Pembangunan Dan Kesejahteraan Petaling Jaya!

**HANYA 2 KALI SETAHUN**

Ingat 2 Tarikh Keramat Ni



Penggal I (Januari – Jun)  
Bayar sebelum / pada  
**28 / 29 FEBRUARI**



Penggal II (Julai – Disember)  
Bayar sebelum / pada  
**31 OGOS**



Semak bil cukai taksiran anda di  
<https://ecukai.mbpj.gov.my/mbpjsealinanbil>



**Bayar Segera Bagi Mengelakkan Tambahan Caj Notis**

*Bayar di mana tu?*

Jom Online Jer.. Lebih Mudah, Cepat, Terurus dan Selamat..

ePay@MBPJ



[www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my)



Biller Code : 76737  
Ref-1 : A/c No.

@

PERBANKAN INTERNET  
Maybank | AmBank | RHB Bank | Bank Islam  
HSBC Bank | Hong Leong Bank |

**Best kan?**

Lagi best tau sebab di ePay@MBPJ juga  
**BOLEH BAYAR SEMUA BIL MBPJ:**

**Sewaan · Lesen · Tempahan · Pelbagai · Cagaran  
Kompaun pun boleh!**



# PEMBERITAHUAN

Mulai **1 Mac 2024**, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) akan menaiktaraf sistem e-Aduan kepada Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA).

Sehubungan itu, Aplikasi mobile e-Aduan MBPJ dihentikan buat seketika. Pelanggan atau orang awam boleh menyalurkan aduan melalui saluran yang disediakan.

## SISPAA

🌐 <https://mbpj.spab.gov.my>

## HOTLINE ADUAN

📞 03-7954 2020

## BILIK GERAKAN BENCANA

📞 03-7957 4113 Beroperasi 24 Jam



**SILA IMBAS  
KOD QR INI  
UNTUK KE  
LAMAN WEB  
SISPAA MBPJ**

## APLIKASI TELEFON PINTAR



**Respons  
Rakyat**

Google Play

App Store



ANDROID



iOS



**IMBAS  
Untuk  
Muat Turun  
Aplikasi**

## DITERBITKAN OLEH:

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**  
Jalan Yong Shook Lin  
46675 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan.

## HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang penerbitan semula di dalam apa jua bentuk penerbitan tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada MBPJ